

15 OCT 1999

Sports-F1 (Jordan)

JORDAN MINTA SEMUA PASUKAN BALAS KOMITMEN MALAYSIA KEPADA F1

SEPANG, 15 Okt (Bernama) -- Eddie Jordan, ketua eksekutif pasukan Benson & Hedges Jordan, meminta semua pasukan ke Grand Prix Petronas Malaysia supaya memberi persembahan paling hebat sebagai tanda penghargaan kepada kesungguhan Malaysia menganjur buat pertama kali kejohanan F1 di negara ini.

"Marilah kita sama-sama memberi persembahan terbaik untuk membalas jasa Malaysia kerana komitmen negara ini kepada sukan ini," katanya kepada pemberita selepas sesi latihan untuk perlumbaan sebenar Ahad ini.

Sambil menyifatkan litar F1 Sepang sebagai "litar alaf baru", Jordan berkata pelaburan oleh Malaysia dalam acara ini harus disanjung.

Litar sejauh 5.542km itu berharga RM286 juta dan merupakan gelanggang terbaru bagi musim kali ini. Ia telah mendapat pujian semua pasukan dan pemandu.

Grand Prix Petronas Malaysia merupakan pusingan kedua terakhir daripada 16 perlumbaan pada musim ini. Yang terakhir adalah di Suzuka, Jepun pada 31 Okt ini.

Jordan berkata rakyat Malaysia seharusnya berbangga kerana mempunyai asas demokrasi yang kukuh bagi menjayakan acara seperti F1 ini.

"Kita perlukan struktur politik yang teguh bagi menyediakan pelaburan sebegini besar dan ini satu petunjuk tentang masa depan F1," katanya.

Jordan berkata beliau amat kagum dengan apa yang dilihatnya di negara ini, daripada lapangan terbang, kepada hotel dan juga jamuan malam yang dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam tadi.

Pada sesi latihan tengah hari tadi, pemandu-pemandu pasukan Jordan, Damon Hill dan Heinz-Harald Frentzen, masing-masing mencatat masa ke 12 dan ke 14 terpantas.

Esok adalah sesi kelayakan bagi menentukan kedudukan petak untuk perlumbaan Ahad ini.

-- BERNAMA

DC MAI